

02 APR 1996

Mahathir - Majalah

ASIAWEEK TIDAK MEMPUNYAI UNSUR MAKLUMAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kerajaan memutuskan untuk menghentikan langganan Asiaweek kerana majalah itu tidak berunsur maklumat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Apa yang kita beli, tentulah, itu hak kita," kata Dr Mahathir.

"Kita tidak mengharamkannya tetapi berpendapat majalah itu tidak mempunyai banyak bahan maklumat, jadi kita tidak membelinya," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri forum mengenai Multimedia Super Koridor Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas arahan Kementerian Dalam Negeri supaya semua kementerian dan jabatan menghentikan langganan majalah yang berpusat di Hong Kong itu kerana menyiarkan artikel yang berniat jahat terhadap Malaysia.

Semasa sesi soal jawab pada forum itu, Dr Mahathir menekankan tentang perlunya akhbar bersikap tanggungjawab dan menarik perhatian kepada Internet yang "apa sahaja boleh disebar." "

Oleh itu, katanya, perjanjian antarabangsa perlu diadakan tentang "apa yang boleh dan tidak boleh masuk ke dalam media bebas ini."

Beliau telah menemui pemimpin beberapa negara yang juga tidak kurang bimbang mengenai perkara seperti bahan lucah dan ibu bapa juga bimbang mengenai anak mereka menerima pelbagai kesan melalui kemudahan itu.

Dr Mahathir berkata: "Masanya akan tiba apabila masyarakat antarabangsa harus sepakat dan mempunyai undang-undang yang boleh dipakai di setiap negara.

"Contohnya, jika sesiapa di Amerika Syarikat memasukkan dalam Internet pelbagai bahan lucah yang memberi kesan kepada anak kita, kita boleh membuat rayuan atau mengemukakan dakwaan terhadap orang itu."

Tetapi sudah tentu, ada bantahan terhadap perkara ini, kata beliau.

Dr Mahathir berkata soal seperti kebebasan mutlak tidak wujud walaupun bagi akhbar.

Katanya, "Semua akhbar, walaupun di negara yang paling bebas, akhbar dikawal, bukan oleh kerajaan tetapi oleh editor masing-masing.

"Saya menulis surat kepada akhbar yang tidak disiarkan." -- BERNAMA

AZZ LDB FAZ